



Headline: Ditipu 26 kali. Guru diperdaya 'pegawai polis' Language: Malay
RM438,000

Publication/Portal: Harian Metro

Date: 23 December 2021

Section: Lokal

Page: 17

Ditipu 26 kali

Guru diperdaya 'pegawai polis' RM438,000

Mohd Rafi Mamat
am@metro.com.my

Kuantan

Guru wanita kerugian RM438,900 selepas diperdaya individu yang menyamar sebagai pegawai polis dengan mendakwa mangsa terabit dengan perubahan wang haram bernilai RM2.8 juta.

Mangsa berusia 44 tahun mengajar yang di sekolah menengah juga dikatakan terabit dengan penipuan tuntutan insurans sebanyak RM76,000.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, pada 11 Ogos lalu, mangsa menerima panggilan daripada individu mendakwa wakil ejen insurans yang mendakwa mangsa terabit dengan penipuan tuntutan insurans.

Katanya, mangsa kemudian disambungkan talian kepada individu bernama Azman mendakwa daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang yang mengatakan mangsa terabit dengan perubahan wang haram.

“Untuk membantu mangsa menyelesaikan kes berkenaan, mangsa diperkenalkan dengan individu yang menyamar sebagai pegawai penyiasat jenayah komersial bernama Tuan Chong. Mangsa diminta membayar wang ikat jamin sebanyak RM600,000 dengan cara membuka akaun Agrobank.

“Pada 8 September lalu, mangsa membuka akaun Agrobank di Agrobank Cawangan Pekan, mangsa sekali lagi diarahkan supaya semua wang simpanan miliknya dimasukkan ke dalam akaun Agrobank dan menghantar gambar kad ATM serta buku akaun

kepadanya (Tuan Chong) bagi tujuan pemantauan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, kelmarin, mangsa membuat semakan dan mendapati baki di dalam akaun bank miliknya hanya tinggal sebanyak RM132.31 dan mangsa segera ke Agrobank Cawangan Pekan untuk membuat semakan dan meminta penyata akaun.

Mohd Wazir berkata, pihak bank menyatakan terdapat 26 kali pemindahan wang ke akaun bank individu yang mangsa tidak kenali berjumlah RM438,900 bermula pada 8 September hingga Isnin lalu.

Katanya, mangsa merasa tertipu dan membuat laporan di Balai Polis Nenasi.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksamaan.